

PSIKOGEOGRAFI DALAM ANTOLOGI LAUT TAK BIRU DI SEBERANG TAKIR (1972)

Nur Nafishah Binti Azmi
*Kolej Pengajian Seni Kreatif,
Universiti Teknologi MARA*

Corresponding Author's Email: nurnafishah@gmail.com

Article history:

Received : (15 Oktober 2023)

Accepted : (1 November 2023)

Published : (30 Disember 2023)

ABSTRAK

Kajian ini adalah mengenai psikogeografi dalam Antologi Laut Tak Biru Di Seberang Takir (1972). Pengalaman seorang penyair sebagai pemerhati dalam masyarakat tempatan menjadi sumber inspirasi terkaya untuk penyair menghasilkan puisi. Dalam *Antologi Laut Tak Biru di Seberang Takir*, T. Alias Taib berperanan sebagai *flaneur* dalam memberikan tumpuan terhadap Kuala Terengganu sebagai lokasi yang membawa dirinya hanyut terhadap emosi dan tingkah laku individu. Terdapat kajian lepas yang mengkaji tentang nilai-nilai kemanusiaan dalam sajak TAT (2004), kritik sosial dalam puisi Pasar Pengalaman (2005) dan analisis puisi TAT melalui teori fenomenologi-rasa untuk memahami jati diri TAT (2022). Oleh yang demikian, makalah ini menganalisis psikogeografi dalam antologi puisi Laut Tak Biru di Seberang Takir (1972) bagi melihat perkaitan TAT dan kawasan yang dinyatakan dalam puisi serta mengukuhkan lagi kajian-kajian yang sedia ada. Objektif kajian adalah dengan mengenalpasti dan menganalisis puisi dengan menggunakan pendekatan psikogeografi. Kaedah analisis teks dengan menggunakan *dérive* teori menjadikan TAT sebagai *flanuer* dalam konteks psikogeografi oleh Guy Debord. Teks yang menjadi fokus kajian adalah *Antologi Laut Tak Biru di Seberang Takir*, yang mengandungi 45 buah puisi tetapi makalah ini akan menganalisis hanya sebelas buah puisi yang mendominasi tentang kawasan yang dijejaki oleh TAT dalam puisinya. Hasil analisis puisi TAT daripada faktor luarannya menunjukkan bahawa pekerjaan sebagai seorang pelombong bijih besi dan nelayan adalah simbol kekuatan kepada masyarakat setempat. Manakala TAT adalah seorang *flaneuse* yang berkelana, *derive* (hanyut) dalam mencari identiti diri hasil daripada faktor dalaman. Keseluruhan hasil kajian diharapkan dapat menambah korpus ilmu psikogeografi dalam dunia sastera pada hari ini.

Kata kunci: *dérive, flaneuse, flanuer*, psikogeografi, antologi puisi

Pengenalan

Antologi puisi *Laut Tak Biru di Seberang Takir* (1972) adalah antara himpunan puisi T. Alias Taib (TAT) yang jujur tentang kehidupan sebenar penyair yang berlegar di beberapa tempat di sekitar Terengganu dan Kuala Lumpur. TAT telah menulis cerpen, esei dan juga terjemahan namun TAT lebih menumpukan perhatian kepada puisi. Bagi TAT kepelbagaian genre sastera yang ada, genre puisilah paling tinggi martabatnya. Bukan menidakkan genre lain, kesemuanya baik tetapi dalam puisi ataupun dalam penulisan puisi kedudukannya agak tinggi dibandingkan dengan cabang sastera yang lain. Sebagai seorang penyair yang memilih puisi sebagai genre utama, TAT juga mementingkan pembawaan tema dalam penulisan penyair. Terdapat kajian lepas yang mengkaji tentang nilai-nilai kemanusiaan dalam sajak TAT (2004), kritik sosial dalam puisi *Pasar Pengalaman* (2005) dan analisis puisi TAT melalui teori fenomenologi-rasa untuk memahami jati diri TAT (2022). Oleh yang demikian, makalah ini menganalisis psikogeografi dalam antologi puisi *Laut Tak Biru di Seberang Takir* (1972) untuk melihat perkaitan TAT dan kawasan yang dinyatakan dalam puisi serta mengukuhkan lagi kajian-kajian yang sedia ada.

Keadaan di kawasan Seberang Takir kini adalah sebahagian daripada kawasan bandar kerana wujudnya mercu tanda pelancongan baharu iaitu Jambatan Drawbridge Terengganu dan pusat membeli belah yang dibina berhampiran. Oleh hal yang demikian, satu kajian dijalankan bagi melihat perkembangan dan rebakan urbanisasi yang telah berlaku di kawasan Seberang Takir, Kuala Terengganu (Muhammad, F. A., & Hamzah, J., 2022). Walau bagaimanapun, persekitaran di Seberang Takir, Terengganu membawa kepada isu-isu lain yang dihadapi oleh penduduk di kawasan tersebut termasuk isu-isu yang dihadapi oleh rakyat. Hal ini tercermin dalam puisi daripada antologi puisi *Laut Tak Biru di Seberang Takir* oleh TAT.

Makalah ini akan menggunakan pendekatan psikogeografi dalam menganalisis *Antologi Laut Tak Biru di Seberang Takir*, yang mengandungi 45 buah puisi tetapi fokus kajian hanya sebelas buah puisi yang mendominasi tentang kawasan yang dijejaki oleh TAT dalam puisinya. Kecenderungan untuk menganalisis karya TAT kerana penyair membawa pembaca kepada dunia yang penyair telah kenali dengan membangkitkan hal-hal tertentu. Karya penyair merupakan cerminan terhadap persekitaran yang berlaku disekeliling penyair kepada masyarakat disamping wujudnya dunia dualism. Dunia dualism menurut TAT dalam Umar Junus (1995) merupakan, dunia yang dibawa oleh sajak-sajaknya mewakili dunia penyair, adalah dunia yang baik. Dunia dengan ketinggian moral dan perasaan kemanusiaan. Dunia di luarnya adalah dunia yang serba jahat kerana dikuasai hantu politik dan wang.

Kajian Literatur

Membaca *Kritik Sosial dalam Pasar Pengalaman* oleh T. Alias Taib oleh Abdul Rahman Haron pada Oktober 2005 terbitan Universiti Putra Malaysia, kritik sosial yang dipaparkan adalah dengan menampilkan kematangan TAT dan memanfaatkan segala khazanah pengalaman yang menggambarkan perlakuan serta tindakan individu mahupun perkumpulan yang cenderung ke arah tindakan negatif. Pengalaman ini perlu ke arah pembaikan atau tindakan yang lebih rasional. Berdasarkan penelitian sajak-sajak TAT, didapati bahawa kritik sosial yang diungkap meliputi lima aspek. Aspek pertama ialah teguran terhadap individu mahupun kumpulan yang menyimpang dari landasan agama dan norma masyarakat. Aspek kedua ialah dengan memperlihatkan kebijaksanaan seseorang dalam membuat pertimbangan. Aspek ketiga ialah memperlihatkan kesedaran yang lahir dari jiwa atau dalaman diri individu. Rangsangan dalam membuat tindakan yang matang dan menganalisis isu-isu semasa merupakan aspek kritik sosial yang berikutnya (Abdul, R. H., 2005). Nyia, S. K. (2004) ada menulis tentang *Nilai-Nilai Kemanusiaan Dalam Sajak-Sajak J.M. Aziz dan T. Alias Taib*. Hasil keseluruhan kajian ini membuktikan bahawa sajak-

sajak J.M. Aziz dan T. Alias Taib sarat dengan nilai-nilai kemanusiaan seperti ketabahan, kerajinan, bertanggungjawab, keadilan, mempercayai tuhan, kasih sayang dan kesyukuran. Kajian mendapati persamaan dan perbezaan di antara sajak kedua-dua penyair ini dari sudut nilai-nilai kemanusiaan, personifikasi, bahasa dan bentuk, pengulangan perkataan, unsur-unsur syair dan pantun yang terkandung di dalamnya. Setelah diteliti, terdapat masalah yang dikaji iaitu melihat secara khusus nilai-nilai kemanusiaan yang terdapat dalam sajak- sajak penulis kerana mereka merupakan penyair yang telah berjaya menempatkan diri di persada dunia sajak tanah air. Juga, terdapat karya mereka dalam tahun 1960-an hingga 1980-an dikatakan antara karya terbaik. Penggunaan imaginasi, persepsi, sensitiviti serta pengalaman hidup membolehkan kedua- dua penyair ini menghasilkan sajak-sajak yang bermutu tinggi.

Merujuk Kennedy, X. J., & Gioia, D. (1995) pengarang itu penting kerana dia berada dalam ruang dan masa bagi menyatakan tentang masyarakat. Oleh yang demikian, sajak-sajak tulisan mereka pada tahun 1960-an – 1980-an dijadikan garis panduan untuk mengenal pasti nilai-nilai kemanusiaan penyair. Hal ini secara tidak langsung dapat memahami estetika puisi (gurindam) yang diperkenalkan oleh Braginsky pada tahun 1994. Kajian memberi fokus kepada dua ciri-ciri keindahan daripada tujuh keindahan yang disenaraikan oleh Braginsky (1994) dalam bukunya *Erti Keindahan dan Keindahan Erti dalam Kesusasteraan Melayu Klasik*. Tujuh ciri-ciri keindahan yang disenaraikan adalah keindahan isi dalaman, keindahan alam fizikal, keindahan fenomena, keindahan dalaman, keindahan luaran, keindahan mutlak dan keindahan rohani. Daripada ketujuh-tujuh ciri yang disenaraikan keindahan isi dalaman meliputi gaya bahasa, memberi pengajaran dan teladan kepada makna tersirat yakni perlambangan. Ia mempunyai makna didaktik yang tersembunyi dalam struktur puisi yang memberi faedah dan pengajaran berguna kepada pembaca. Kesepadannya yang harmonis dalam puisi dan fungsi estetika dengan fungsi intelek mampu membina insan yang beradab (Azura, Md Salleh & Mohamad Luthfi, 2018).

Saravanan, P. V. (2020), menyatakan bahawa *literature and the environment have had a long history of relationship. Indeed, our lives are defined by what is around us and what we find in front of us, whether this means accepting, dealing with or changing it*. Hubungan antara sastera dan persekitaran tidak dapat dipisahkan sejak dahulu lagi. Kehidupan ini ditentukan oleh setiap sesuatu perkara yang berlaku di persekitaran dan melihat akan kemampuan diri sama ada perlu menerima, menangani atau mengubahnya. Begitu juga bagi seorang penulis puisi yang menulis puisi mengenai persekitaran tempat yang disinggahi atau dididami, mereka akan mewujudkan hubungan dengan keadaan setempat tersebut. Hubungan yang terbina itu akan meliputi tingkah laku, ketahanan mental dan keadilan hubungan terhadap tempat tersebut. Hubungan ini akan berjaya dengan beberapa langkah yang munasabah untuk diaplikasikan.

Kajian daripada Angelo, H. (2016) merumuskan sebagai pengkaji, penyair menggunakan alam semula jadi untuk menunjukkan perspektif bandar yang menggalakkan pengamal dan sesetengah sarjana untuk meromantikkan dan menyamakan apabila menemui tanda-tanda bukan sesebuah bandar di sebuah bandar. Angelo juga membuat kesimpulan sekiranya sesebuah bandar itu dapat mengurangkan proses *hybridity* pasti masalah oleh bandar itu dapat ditangani sambil menyenaraikan pendekatan lain yang boleh membangunkan kawasan bandar tersebut. Perubahan yang berlaku disesebuah tempat merupakan satu proses urbanisasi yang terancang atau sebaliknya kerana penerokaan yang tepat perlu ada perancangan yang baik pada ketika itu dan pada masa akan datang.

Mohd Fadhli, S. K., Ruzy. S. H., & Noraini M. Y. (2022) membahagikan kepada tiga sub-topik yang melibatkan tempat atau “place” iaitu pertama, *concept of place*, kedua *sense of place* dan ketiga, *place meaning and attachment*. Ketiga-tiga sub-topik ini berbeza dalam konteks definisi dan pengalaman yang dilalui oleh penulis. Najafi & Mohd Shariff (2011) dalam Mohd Fadhli, S. K., Ruzy. S. H., & Noraini M.

Y. (2022) mendefinisikan tempat sebagai ikatan afektif yang berkaitan dengan perasaan dan emosi antara seseorang dan persekitaran tertentu. Terma “place” atau tempat sering digunakan dengan kata

ganti “space” atau ruang. Terma ini berbeza kerana ruang mengandungi nilai dan prinsip manusia yang sering membuat pemerhatian, pengumpulan dan tafsiran oleh individu. Kesimpulannya, terma tempat lebih signifikansi daripada terma ruang namun, agak sukar untuk memisahkan dua terma ini iaitu tempat dan ruang kerana kebanyakan tempat didapati wujud dalam ruang yang lebih besar. Seterusnya, berkenaan *sense of place* berkenaan dengan individu yang mempunyai rasa terhadap tempat yang mereka diami. Terdapat tiga peringkat yang telah dikenal pasti iaitu rasa yang tinggi sehingga memberi galakkan kepada orang ramai berkumpul dan berhubung antara satu sama lain, rasa memerlukan (*fulfilment*), pengiktirafan dan keterikatan kepada komuniti sebagai penyumbang kepada rasa sesuatu tempat. Oleh itu, individu dapat mentafsir makna melalui pendekatan simbolik, pembentukan hubungan dengan persekitaran dan menyatakan tahap kepuasan yang tinggi dengan pengalaman.

Selain daripada itu, satu pendekatan yang *fleksible* dan *holistic* yang merangkumi faktor luaran dan dalaman perlu diambilkira. Ini termasuk pemikiran individu, persekitaran geografi dan hubungan yang mempengaruhi seseorang itu mentafsir persekitaran mereka. Proses ini sekaligus dapat membantu pengembara (penulis) untuk meneroka dan mencari diri sendiri dalam konsep yang lebih bermakna. Ini disokong penuh oleh Mohd Fadhli, S. K., Ruzy. S. H., & Noraini M. Y. (2022) menyatakan...*as a flexible and holistic approach that focuses on both inner and outer elements, including the individual's psychology and the geographical setting of the place, as well as the relationships that influence how a person thinks and behaves toward their surroundings. Understanding what psychogeography is allowed a person to conduct meaningful explorations of a location and engage in the form of self-discovery that distinguishes him or her from other travellers.*

Hasil dapatan daripada kajian oleh Lomas, T. & Case, B., (2023) terdapat empat perspektif yang telah dikenalpasti dalam membahaskan penceritaan sejarah psikogeografi dan psikokosmologi iaitu gabungan psikologi dengan disiplin ilmu yang lain. Perspektif ini bermula dengan zaman pra-sejarah kepercayaan terhadap bumi ini rata, diikuti bermula abad keenam sebelum masihi bumi berbentuk sfera dan alam semesta yang berpusat. Seterusnya, abad ke-15 dan perkembangan bumi dan alam semesta yang menjadikan matahari sebagai tumpuan utama dan terakhir abad ke-20 ketidakstabilan bumi dan alam semesta. Konsep psikologi yang diperkenal pada pengenalan kajian memberi satu fahaman baru kepada kajian ini, *psychology has tended to prioritize individual humans as its object of interest. However, recent decades have seen increasing recognition of the importance of interdisciplinary paradigms that bridge psychology with other fields, including those exploring people's contexts* (Lomas, T. & Case, B., 2023). Gabungan psikologi dengan disiplin lain membolehkan pemahaman yang lebih holistik dan bernuansa tentang tingkah laku manusia serta memberi penekanan kepada kepentingan konteks dalam membentuk pengalaman dan hasil kerja individu. Pendekatan antara bidang ini berpotensi untuk memacu inovasi, memupuk kerjasama dan menangani isu sejagat yang kompleks.

Objektif kajian

Objektif kajian ini adalah melihat unsur psikologi dan geografi penulis dalam menghasilkan karya Antologi Laut Tak Biru Di Seberang Takir (1972).

Metodologi Kajian

Metodologi sorotan literature bersistematik digunakan untuk pengumpulan kajian lepas. Terdapat beberapa panduan atau protokol yang digunakan untuk mengumpul dan memastikan pemilihan kajian lepas adalah paling relevan dengan tajuk kajian. Menurut Xiao, Y., & Watson, M. (2019), sebelum melaksanakan kajian literatur pengkategorian mengikut kepentingan harus disemak terlebih dahulu. Pengkategorian dibahagikan kepada empat iaitu menghuraikan (*describe*), menguji (*test*), memanjangkan (*extend*), dan mengkritik (*critique*). Fokus kajian ini adalah

menghuraikan (*describe*) yang bermaksud; *a descriptive review examines the state of the literature as it pertains to a specific research question, topical area, or concept. What distinguishes this category of review from other review categories is that descriptive reviews do not aim to expand upon the literature, but rather provide an account of the state of the literature at the time of the review.* Ini dipanjangkan lagi dengan ulasan deskriptif (*descriptive reviews*) yang mempunyai pelbagai variasi dalam mengumpul, menganalisis dan sintesis maklumat dan kaedah kajian ulasan naratif (*narrative review*) digunakan bagi memenuhi keperluan kajian ini.

Green, B. N., Johnson, C. D., & Adams, A. (2006) menyatakan ulasan naratif adalah gambaran keseluruhan dapatan kesusasteraan yang dianalisis daripada carian pengkalan data berkomputer, buku- buku dan teks-teks yang berkenaan dengan tajuk kajian. Ini disokong oleh Juntunen, M. & Lehenkari, M. (2021) bahawa; *a narrative literature review, on its part, refers to a comprehensive narrative synthesis of previously published information by Green, Johnson and Adams 2006. Narrative reviews aim to build theory and they are typical in the humanities and social sciences, including management research.* Kesemua artikel perlu melalui penilaian berdasarkan kefahaman naratif dan ulasan kepada pembangunan teori atau konsep yang meliputi pengurusan kajian sekaligus membawa kepada perbincangan kajian ini.

Konsep psikologi dalam ruang lingkup kajian ini melibatkan pengalaman manusia dan faktor persekitaran yang mempengaruhi penulis. Ini disokong oleh Sullivan, D. (2020) dalam Hammack, (2011) menyatakan, *he believes that his own experiences of embodied terror during fieldwork in Israel and Palestine contributed substantially to his ability to grasp the psychological essence of his participants' narrative dilemmas and resolutions.* Pengalaman yang didepani oleh individu itu sendiri berjaya membawa kefahaman tentang psikologi dan penceritaan bagi sesuatu peristiwa tersebut. Ini disokong oleh Mohd Fadhli, S. K., Ruzy. S. H., & Noraini M. Y. (2022) bahawa; *the establishment of a connection between the person and the region results in authentic and significant experiences and interpretations, which are portrayed in poetry as information and knowledge about the environment for readers to read and be inspired by.* Hubungan di antara manusia dan pembentukan wilayah memberi satu tautan pengalaman dan tafsiran kepada penulis menghasilkan puisi sekaligus menyalurkan maklumat dan pengetahuan untuk diilhamkan kepada pembaca. Memperincikan lagi kenyataan Mohd Fadhli Shah Khaidzir, Ruzy Suliza Hashim, & Noraini Md Yusof (2022) adalah dengan melihat konsep psikogeografi yang mempertaut dua lapangan yang mempunyai kesalingan, iaitu "psikologi" dan "geografi." Ia menjadi satu wahana untuk menekuni peribadi, bangun tumbuh watak yang terkesan dengan kehidupan, gerak nafas manusia yang ditemuinya ataupun secara umum pertelingkahan dengan alam yang didepani (Mawar, S., Nordeyana, T., & Ermy, A. R., 2022).

Pada tahun 1955, Guy Debord yang merupakan ahli falsafah daripada Perancis telah memperkenalkan terma atau istilah ini. Walaupun terma ini wujud daripada gerakan Situationist International di Perancis, namun ia mempunyai implikasi yang meluas bagi sesebuah kawasan yang berkepentingan. Kawasan yang diperkenalkan itu akan dilalui oleh seseorang yang dikenali sebagai *psychogeographers* dan proses ini dikenali sebagai *dérive*, atau *drift* (hanyut). Seorang *psychogeographers* bergerak dan berjalan dari satu tempat ke satu tempat dengan adanya agenda tersendiri, tidak semua perkara dapat mencakupi dunia dalam sesebuah bandar itu. Oleh yang demikian, keadaan *derive* atau hanyut itu lebih baik kerana dapat menghubungkan antara *psychogeographers* dengan bandar atau tempat yang didatangi tersebut. Bagi memahami konsep *psychogeographers*, Charles Baudelaire telah menggunakan *flâneur* dalam memperkenalkan mereka (*psychogeographers*) yang bergerak dan hanyut dalam sesuatu kawasan atau bandar yang dikunjungi. Hujah ini dikuatkan lagi oleh Walter Benjamin pada abad ke-20 apabila terma *flâneur* ini dikembangkan dalam bidang akademik. *I Praise of the Flâneur, Bijan Stephen observes that the use of the flâneur "as a vehicle for the examination of the conditions of modernity" fell out of favour in the ensuing decades* (Paris Review Article, 2013).

Teori psikogeografi akan dijadikan sandaran dalam menganalisis dan mentafsir puisi karya TAT. Guy-Ernest Debord merupakan seorang ahli teori Marxis Perancis, ahli falsafah, pembuat filem, pengkritik kerja, ahli Letterist Antarabangsa, pengasas kepada kaum Letterist, dan ahli pengasas Situationist International. Guy-Ernest Debord atau Guy-Debord merupakan pelopor kepada teori psikogeografi yang merupakan istilah, adalah persimpangan psikologi dan geografi. Ia memberi tumpuan kepada pengalaman psikologi bandar, dan mendedahkan atau menerangi aspek persekitaran bandar yang dilupakan, dibuang atau dipinggirkan. *Psychogeography, as the term suggests, is the intersection of psychology and geography. It focuses on our psychological experiences of the city, and reveals or illuminates forgotten, discarded, or marginalised aspects of the urban environment* (Lyons, S., 2017). Istilah psikogeografi (*psychogeography*) adalah gabungan antara psikologi dan geografi. Ini memberi tumpuan kepada pengalaman psikologi individu, dan mendedahkan atau menerangi beberapa aspek persekitaran yang dilupakan, dibuang atau dipinggirkan. Secara dasarnya, psikologi membawa maksud *the scientific study of the mind and how it influences behaviour*. Manakala *geography* bermaksud *the scientific study of the earth's surface, physical features, divisions, products, population, etc. Geography, for example, deals with the determinant action of general natural forces, such as soil composition or climatic conditions, on the economic structures of a society, and thus on the corresponding conception that such a society can have of the world*.

Psikogeografi memberi gambaran bahawa kajian ini akan terarah kepada manusia itu secara individu dan bergerak dari satu kawasan ke kawasan yang lain dengan membawa pelbagai aspek yang dapat memenuhi sifat manusia dan kehendak kepada sesuatu kawasan yang didatangi tersebut. Menurut Deybord, G. (1955) dalam Situationist International Anthology oleh Knabb, K. (2006); *psychogeography sets for itself the study of the precise laws and specific effects of the geographical environment, whether consciously organized or not, on the emotions and behavior of individuals. The charmingly vague adjective psychogeographical can be applied to the findings arrived at by this type of investigation, to their influence on human feelings, and more generally to any situation or conduct that seems to reflect the same spirit of discovery*.

Seorang penulis puisi akan menggunakan kaedah rakaman dengan pelbagai alatan terkini atau merekod perkara tersebut bagi menyiasat, memahami dan mengadaptasi keadaan sekeliling bagi menghasilkan karya sastera. Ini yang dilakukan dalam akses psikogeografi dan pengkarya akan mengembara dan meneroka sendiri sehingga mampu merentasi satu tempat ke tempat yang lain dalam keadaan pengalaman yang berbeza. Hasil daripada pengalaman tersebut pengkarya akan dapat mendalami lokasi dengan pengaruh emosi setempat dan pengembaraan ini dipanggil sebagai *derive* atau “hanyut”. Ini disokong oleh Ruzy, S. H., & Fatin, N. S. F., (2016) dalam *Psychogeography Of Kuala Lumpur In Nassury Ibrahim's Selected Poems* bahawa Nassury Ibrahim's *dérive* is contemporary urban exploring. *He explored the city surroundings freely by being conscious of his surroundings and allowed himself to be drawn by the attractions of the terrain and the encounters he found along the way*. Pengalaman Nassury Ibrahim juga boleh disamakan seperti pengalaman TAT apabila penyair meneroka kawasan setempat dalam keadaan hanyut dan sedar akan persekitaran sehingga mampu menghasilkan penulisan yang memberi impak kepada pembaca.


Antologi puisi *Laut Tak Biru di Seberang Takir* mempamerkan penulis puisi sebagai pengembara kota yang menyerap segala rasa di lokasi dan emosi dalam merangka objektif dalam pemikiran mereka. Ini untuk menghimpunkan segala pengalaman dalam proses menjelajah seterusnya menghasilkan karya sastera dengan disiplin tersendiri. Ini dibantu oleh *derive* iaitu pengembara yang menjelajah tanpa tujuan sehingga dapat menghubungkan penulis dengan kawasan yang dilaluinya. Oleh itu, kajian akan menunjukkan hubungan antara tempat dan orang ramai bagi memberi tumpuan kepada analisis yang konkrit – lokasi dan tingkah laku seseorang berhubung dengan persekitaran tempat.

Dapatan

Merujuk Mohd Fadhli, S. K., Ruzy. S. H., & Noraini M. Y. (2022), apabila seseorang itu hanyut dalam persekitarannya, dia akan terlibat secara tidak langsung tentang landskap kawasan kerana wujudnya hubungkait di antara pemikiran dan tingkah laku persekitaran dan individu. Ini juga membolehkan seseorang itu bukan sahaja menyedari tentang keadaan sekeliling tetapi juga mengakui kesan yang ada terhadap individu yang mungkin diabaikan atau kurang diberi perhatian yang sepatutnya. Kenyataan ini boleh merujuk kepada pelombong di Bukit Besi dan pelaut di Seberang Takir. Untuk melihat jejak penulis, kajian akan melihat kepada dua aspek iaitu tempat penulis bergerak dari Bukit Besi ke Kuala Terengganu dari tahun 1968 sehingga tahun 1970 dan juga pengalaman penulis berada di beberapa tempat sekitar bandar tersebut. Ini melibatkan *place* atau tempat yang dibahagikan kepada konsep (*concept*), rasa (*sense*) makna (*meaning*) dan sangkutan (*attachment*) terhadap tempat yang membawa diri TAT hanyut.



Rajah 1: Pemetaan tempat dalam puisi.



Rajah 2: Peta jejak puisi.

Jejak puisi yang telah dikenalpasti adalah dari Bukit Besi ke Kuala Terengganu dan berselerakan ke Seberang Takir, Mengabang Telipot, Laut China, Jalan Banggul, Kampung China dan Pantai Chendering sebelum ke Kuala Lumpur.

Uap besi jingga, ooo

*baunya Berkelun-kelun
mengelepar
Menggelongsor ke dasar
Rongga hidup dan pembuluh
nafas Kaum pelombong nan
lapar*

*Kulihat, sampai disini
Malam dan siang
Sungai pekat
Pekat-puchat
Menghambat dan menghambat*

Puisi yang bertajuk *Bukit Besi* (1968), *Kepada Para Pelombong* (1968), *Surat dari Bukit Besi* (1968) dan *Ia Sedang Menatap Nasibnya* (1968) memperkatakan secara langsung nama tempat tersebut dan mencerminkan tentang kehidupan sebagai seorang pekerja lombong bijih besi yang bersusah payah sedang meneruskan kehidupan harian. Bukit Besi ini terletak dalam kawasan Kemajuan Terengganu Tengah (Ketengah) termasuk dalam jajaran Lebu Raya Jerangau – Jabor.

Dalam *Bukit Besi* (1968), penulis menceritakan tentang keadaan pelombong bijih besi pada waktu siang dan malam yang bekerja keras walau diseleungi dengan bau uap besi hasil proses perlombongan bijih besi. Proses membawa bijih besi dari kawasan utama perlombongan ke dalam kereta api seterusnya dibawa ke Pelabuhan Dungun untuk dieksport merupakan satu pengorbanan kaum pelombong. Di Bukit Besi terdapat sebuah landasan kereta api untuk mengangkut keluar bijih-bijih besi itu. Inilah keunikan Bukit Besi (daerah Dungun) kerana Terengganu sendiri tidak punya landasan keretapinya. Perkhidmatan lain yang diperolehi oleh penduduk Bukit Besi ketika itu ialah pendapatan sangat mewah serta segala perkhidmatan awam seperti bekalan air, elektrik, kereta api disediakan secara percuma.

Kehidupan harian pelombong diceritakan dengan lebih lanjut dalam puisi *Kepada Para Pelombong* (1968) apabila penulis secara terbuka menulis;

*saudara, ini periuk
nasimu; ia besi
ia tanah
ia
lembah*

Penekanan perkataan “saudara” adalah merujuk kepada pelombong dan diikuti dengan perkataan periuk nasimu yang membawa maksud rezeki. Sumber utama Terengganu juga diperolehi dari perlombongan bijih timah dan besi (Ghazali, T., 2004). Kenyataan Ghazali membuktikan bahawa kegiatan perlombongan adalah kegiatan utama secara tidak langsung membawa erti sumber pendapatan utama di Terengganu bergantung kepada industri perlombongan.

Seterusnya, dalam puisi yang sama penulis menggunakan gaya bahasa anafora dengan pengulangan perkataan “ia” bagi menguatkan pernyataan maksud. Anafora ialah jenis gaya bahasa pengulangan bagi menegaskan maksud yang disampaikan melalui pengulangan kata atau kalimat dalam sesuatu kata (Noriha, B., 2010). Terdapat tiga baris puisi yang memulakan ayat dengan perkataan ‘ia’ kerana ‘ia’ merujuk kepada perkara atau benda yang dibicarakan iaitu besi sebagai sumber kegiatan utama, tanah (merujuk kepada kawasan perlombongan) dan lembah (bentuk muka bumi yang berada di bawah gunung). Kawasan Bukit Besi adalah punca kepada rezeki kehidupan sebagai seorang pelombong. Besi, tanah dan lembah adalah keadaan di tempat perlombongan bijih besi dan ia sangat sinonim dengan pekerja lombong. Rangkap seterusnya, penulis memberi peringatan dalam bentuk persoalan;

*saudara, jika tiada
besi jika tiada tanah
jika tiada lembah
anakmu bakal makan
apa? binimu bakal
makan apa? engkau
bakal makan apa?*

Persoalan yang diajukan adalah satu peringatan bagi setiap pelombong bahawa pekerjaan ini penting untuk meneruskan kehidupan bukan individu tetapi seluruh isi keluarga. Pada tahun 1968, industri perlombongan merupakan punca pendapatan utama bagi penduduk Bukit Besi bagi meneruskan kehidupan.

Merujuk kepada puisi *Bukit Besi* (1968) dan *Kepada Para Pelombong* (1968), penulis memberi gambaran bahawa penyair bersendirian dalam menjadi pemerhati kepada setiap peristiwa yang berlaku. Penyair melihat segala peristiwa dengan pendekatan yang fleksible dan holistik iaitu merangkumi faktor luaran dan dalaman. Perkara ini terbukti apabila penyair menjelmakan rasa rindu hasil daripada pemerhatian terhadap keadaan persekitaran. Puisi *Surat dari Bukit Besi* (1968) membuktikan bahawa penyair memperlihatkan faktor luaran dan dalaman dirinya sangat merindui kepada mereka yang berjauhan. Penyair mengutuskan surat kepada bapabunda, S.Maimon, PELITA dan Pantai Chendering dengan menyatakan;

*(kepada bapabunda)
pelukchium
anak laki-lakimu:
alias*

Begitu juga kepada S.Maimon, penyair sering mengutuskan surat yang ditulis perihal isi hatinya yang merindu melalui utusan angin bayu.

*(kepada s.maimon)
(kepada PELITA)
(kepada Pantai Chendering)*

Peristiwa dalam Persatuan Sasterawan Terengganu (PELITA) dijadikan satu peringatan kepada ahli persatuan melalui utusannya kerana PELITA merupakan sebahagian daripada hidup penulis juga. Seterusnya semasa penyair berkelana seorang diri, Pantai Chendering adalah tempat yang sentiasa dirindui. Penulis membesar di Pantai Chendering yang sering melihat jatuh bangun hidupnya sepanjang berada di Kuala Terengganu. Kesenambungan kepada utusan *Surat dari Bukit Besi* (1968), penulis menghamparkan rasanya dengan melihat pelombong yang tidak diketahui nasibnya suatu hari nanti. *Ia Sedang Menatap Nasibnya* (1968) memberi gambaran kerisauan penulis apabila;

*Tak siapa tau
Diatas langit Bukit Besi*

*Tak siapa tau
Ditepi kali Bukit Besi*

Bukan hanya penulis merasakan risau malah pelombong sendiri tidak tahu apa akan nasibnya apabila melihat ahli keluarga masing-masing. Kesedihan dalam hati tidak mampu diluahkan secara

fizikal dan segalanya terpendam dalam hati sahaja. Pada tahun 1969 adalah kemuncak kepada industri perlombongan di Bukit Besi. Rentetan kerisauan pelombong pada ketika itu terus membawa kepada puisi *Pada Suatu Malam* (1969) apabila menulis mengulang kata; 'tak siapa tau' bersama dengan sedikit persoalan iaitu;

*Kuala Terengganu: Kota Azap
zincnya tak siapa tau ia terbaring?*

*Jalan Banggul: Pena
Meenya tak siapa tau ia
rungsing?*

*Laut China: Night butterflynya
tak siapa tau ia tenggelam?*

*Kampung China: Anjing-
anjingnya tak siapa tau ia
terbenam?*

Apabila penulis memberi persoalan sebegini bermakna kerisauan penulis semakin memuncak sehingga menimbulkan persoalan kepada situasi semasa. Persoalan dalam puisi adalah persoalan yang timbul difikiran penulis tentang perkara yang dilaluinya. Persoalan yang diutarakan adalah dalam bentuk ayat pertanyaan yang bertujuan untuk menanyakan sesuatu atau menyoalkan sesuatu perkara. TAT melihat nilai- nilai kemanusiaan dalam ruang lingkup yang lebih luas. TAT tidak hanya melihat isu tersebut malah menganalisis isu-isu semasa yang merupakan salah satu aspek kritik sosial dalam puisi-puisi yang dihasilkan. Tujuan TAT bukan hanya untuk memberi kesedaran kepada masyarakat tetapi juga menjadi punca kepada pencarian dirinya sendiri. Penyair melihat kepincangan dalam diri dengan memberi persoalan-persoalan yang membangkitkan jiwanya untuk mengenal diri sendiri. Ini yang dihasilkan oleh penyair apabila persoalan tersebut diajukan kepada tempat yang dihadapinya iaitu Kuala Terengganu, Jalan Banggul, Laut China dan Kampung China. Gabungan puisi dan penyair memberikan pemahaman yang lebih holistik dan nuansa yang membawa kepada bunyi, makna, warna, rupa, perasaan yang berbeza.

Ini diteruskan lagi dengan *Sepasang Sepatu Tua* (1969) yang memperlihatkan keadaan seorang pelombong yang dari awalnya bekerja sebagai pelombong serta rutin harian penyair adalah melombong bijih besi. Kebanyakan pekerja lombong ketika itu adalah mereka yang menetap di Bukit Besi dari muda sehingga ke hari tua. Penulis memberi penerangan tentang kehidupan pelombong di Bukit Besi dengan;

*Di sini, hidup-mati bermain, di Bukit Besi
Sepatu tua
Hijau tua
Pelombong tua*

'hidup-mati bermain' bermakna pelombong bersungguh-sungguh bekerja demi kelangsungan hidup bukan sahaja untuk diri sendiri malah untuk anak dan isteri juga. Tua yang membawa maksud lanjut usia memberi gambaran bahawa betapa lamanya seseorang itu meneruskan kerjayanya sebagai seorang pelombong di Bukit Besi. Penulis terus hanyut ke dalam dunia di sekitar Kuala Terengganu. Penyair mengambil berat dengan setiap landskap perubahan yang berlaku kerana bagi penyair setiap sesuatu itu mempunyai sebab dan akibatnya. Itu yang dinyatakan dalam *Laut Tak Biru di Seberang Takir* (1969) apabila kehidupan di Seberang Takir sama seperti di Bukit Besi tetapi pekerjaan di Seberang Takir berbeza dengan di Bukit Besi. Penduduk bekerja sebagai pelaut berhadapan dengan keadaan cuaca dan suara alam yang tidak menentu. Penulis menceritakan derita pelaut semasa di bulan Disember apabila laut mula bergelora. Terdapat empat hingga enam episod

luruan monsun yang membawa hujan lebat berterusan di kawasan Seberang Takir. Keadaan tersebut dilalui oleh penulis dengan;

*ganas gelora laut china, keras pawana ujung
disember, lemas dada tanah tanah seberang
berebut- rebut menggelinchir kedalam mataku
yang chemas.*

Keadaan perubahan musim dengan pelbagai bencana yang tidak jangka perlu diharungi kerana perikanan merupakan punca pendapatan utama bagi pelaut-pelaut di laut Seberang Takir. Angelo, H. (2016) berpendapat bahawa penyair sering menggunakan alam untuk menunjukkan pembangunan sesebuah bandar yang membangkitkan rasa romantis hakikatnya alam yang ada semakin diperkosa dan proses urbanisasi semakin berleluasa. Tetapi, pada tahun 1969 Kampung Seberang Takir merupakan sebuah kampung yang terletak di daerah Kuala Nerus, Kuala Terengganu, Malaysia dan majoriti penduduknya Melayu telah menjalankan aktiviti perikanan sebagai sumber utama pendapatan mereka (Muhammad Faisal Afiq Bin Abu Kaslan, & Hamzah Jusoh, 2020). Alam yang digambarkan oleh TAT dalam puisi jika dikaitkan dengan kenyataan Angelo masih kekal seperti alam kerana mata pencarian penduduk di kampung tersebut masih kekal sebagai pelayan. Hujah ini dikuatkan apabila karya sastera dan persekitaran mempunyai sejarah perhubungan yang erat dengan menerima dan berhadapan dengan perubahan dari semasa ke semasa. Penduduk Seberang Takir tidak pernah mengalah dengan keadaan cuaca yang melanda kerana tidak siapa peduli akan segala emosi yang ditanggung oleh para pelaut di sana.

*Laut Tak Biru lagi di Seberang Takir, ikan-
ikan Sudah jemu bermain dipesisirnya dan
engkau tenggelam didalam hibarayamu.
suaramu yang resahsayu kini direnggut
ribut. ya, tak siapa peduli suara itu: terus
menerus diperkosa angin jahat. saudara
dan para pelaut, seluruh airmata,
sedansedu dan resahgelisahmu kini kuukur
ia tiap inchinya.*

Penulis menitipkan segala apa yang dilihat ketika itu kerana ia adalah sebahagian daripada pengalaman penyair sepanjang membesar di Seberang Takir. Walaupun setiap pelaut telah mengetahui perihal luruan monsun tetapi mereka tetap meneruskan aktiviti turun ke laut demi kelangsungan hidup.

TAT sebagai seorang *flaneuse* dalam konsep psikogeografi perlu bergerak pantas dalam memasuki keadaan bagi sesuatu tempat. Mendalami dan menjiwai setiap peristiwa adalah keadaan hanyut (*derive*) yang terjadi kepada penulis. Bermula di Bukit Besi dengan melihat keadaan pelombong, penulis bergerak ke Seberang Takir dan berdamping rapat dengan para pelaut. Transisi daripada tahun 1969 kepada 1970 bukan sahaja dialami oleh penulis tetapi industri ketika itu. Pada tahun 1970, hasil perlombongan bijih besi semakin berkurangan dan pada tahun 1971 era kegemilangan Bukit Besi telah berakhir. Setelah 41 tahun hasil bijih besi dieksploitasi dari bumi Bukit Besi, akhirnya pada 8 September 1971 kerja-kerja perlombongan dihentikan disebabkan beberapa faktor. Ketika ini penulis berangkat meninggalkan Bukit Besi bersama kenangan yang masih terpatrit dihati. Peninggalan kenangan dalam tahun 1960-an membawa sebuah pengalaman tentang proses bijih besi dengan adanya kereta api sebagai pengangkutan utama sepanjang industri perlombongan. Puisi 70 (1970) bermula dengan;

*telah berangkatlah aku. telah
berangkatlah. telah larut 69!
ia ada bukit besi dikandungnya
dalam keluhkesah wagon
keretapi ia ada bijihbesi
dikandungnya.*

Lembaran baru bagi tahun 1970-an adalah satu pengakhiran kepada industri perlombongan di Bukit Besi. Walau bagaimanapun, penulis masih lagi menggambarkan bagaimana keadaan perlombongan ketika itu. Kereta api yang menjadi pengangkutan utama bijih besi mula kelihatan tenat dengan aktiviti harian yang tiada pengakhiran. Pada masa yang sama pelaut di laut juga meneruskan aktiviti harian di pantai dengan memukat ikan. Tanpa mengira musim yang mendatang. Ini berterusan dari tahun ke tahun tetapi penulis melihat 1970-an bakal berlaku sesuatu di daratan dan di lautan. Ini merujuk kepada bait-bait puisi seterusnya;

*sudah sampailah aku. sudah
sampailah. sudah bertaut 70!
dengan mengabang teliput dimiskin
pantainya dalam ramahtamah puchuk
chemara
pelaut memukat ikan diangin damainya.*

*tahun ini, tahun ini, barangkali kembali lagi
maut menjemput! dari tanah bukit, berpuaka
tentunya dari air laut, bergelora tentunya
wahai pelombong dan pelaut, bersatulah!*

Seruan penulis kepada pelombong dan pelaut adalah bersatu dalam apa jua keadaan yang sedang berlaku dan mendatang. Walaupun berlainan kerjaya tetapi setiap kerjaya mempunyai cabaran yang perlu dihadapi oleh setiap pekerja. Bersatu dalam rasa daripada keadaan persekitaran adalah pengalaman penulis semasa berada dalam kalangan pelombong dan pelaut. Sebagai seorang pengembara yang membawa pemikiran dan tingkah laku bersama dalam pengamatan persekitaran, penulis meneruskan kerjaya sebagai guru dan pemerhati yang hanyut dalam persekitaran. Latar belakang penyair adalah dengan memulakan persekolahan di Sekolah Melayu Gong Kapas. Kemudian penyair melanjutkan pendidikan menengah di Sekolah Menengah Sultan Sulaiman (Inggeris), Kuala Terengganu. Seterusnya penyair berkhidmat di Sekolah Kebangsaan Wangsa Jaya, Setapak, Kuala Lumpur. Penyair mencari makna hidup di luar dan di dalam dirinya, serta melebarkan cakrawala pengalaman dan pemikirannya di dalam dan di luar tanah air. *Sekolah Kebangsaan Mengabang Teliput* (1970), penulis menceritakan keadaan sekolah ketika itu sangat daif dengan pelbagai kekurangan serta keadaan anak-anak pelaut yang bersekolah dalam bangunan tersebut.

*didalam bilik darjah berdinding kayu
rapuh berhimpun anak-anak pelaut
berperut bunchit melukis, bermain,
mengira
tengok lukisan mereka, tulisan mereka, tengok,
ya gambarnya rumah runtuh, guruh menggila-
gila jenguk dunia mereka, seanteronya,
jenguk, ya siapa yang merangkak selain ia,
selain ia pelaut tersiksa?*

Gambaran anak-anak yang bersekolah adalah cerminan kepada kepayahan bapa mereka sebagai pelaut. TAT menceritakan bentuk tubuh badan anak-anak yang buncit sambil melukis, bermain, mengira adalah memberi gambaran seperti lelaki-lelaki (bapa) mereka yang telah meningkat umur. Anak-anak meluahkan persekitaran mereka dengan menghadirkan lukisan dan tulisan sebenar keadaan yang dilihat sepanjang membesar sebagai anak pelaut. Nilai-nilai kemanusiaan seperti ketabahan, kerajinan, bertanggungjawab, keadilan, mempercayai tuhan, kasih sayang dan kesyukuran menjadi penguat kepada anak-anak dalam meneruskan kehidupan sebagai seorang anak nelayan. Persoalan di akhir puisi yang dicetuskan adalah tentang pelaut terseksa daripada cerita anak-anak mereka. Ini membuktikan bahawa sebagai anak-anak yang melihat keadaan bapanya setiap hari dalam hilai tawa mesra, sebenarnya keperitan dalam hati sebagai seorang pelaut dapat dirasakan terus oleh anak-anak dengan mengadaptasi rasa melalui perlakuan di sekolah. Keadaan anak-anak dan pelaut diteruskan dalam puisi *Seperti Tak Sanggup* (1970) yang menunjukkan anak-anak tidak pernah berputus asa untuk meneruskan pembelajaran walaupun dalam keadaan daif yang membolehkan mereka memberi alasan untuk berhenti belajar dan menjadi seperti ibu dan bapa sebagai pelaut. Tetapi, kuatnya hati anak-anak kerana terisi dengan keindahan isi dalaman, alam fizikal, fenomena, dalaman, luaran, mutlak dan rohani itu sendiri. Ini dapat dibahagikan kepada dua bahagian iaitu keindahan yang mencerminkan kekuatan fizikal dan rohani anak-anak. Mereka terus melangkah dengan bait-bait kata oleh TAT:

*Tetapi diterus jua langkahnya.
Jalan ke sekolah kebangsaan mengabang teliput*

Begitu juga dengan pelaut yang tidak penang terseksa dengan fitrah laut dan pantai. Laut dan pantai sentiasa bertukar keadaan mengikut musim. Kebimbangan pelaut hilang dalam puisi *Mengabang Teliput* (1970);

*dimata pelaut musim
bimbang didada laut
musim gelombang*

Kepayahan yang dialami adalah sebahagian daripada darah daging mereka. Sifat seorang pelaut adalah tidak mudah kalah dengan bencana yang hadir kerana masa hadapan isteri dan anak adalah menjadi keutamaan. Hujahan ini disokong oleh Mohd Yusof Abdullah pada tahun 2015 'Mereka merupakan pembuat perahu dan bot yang mahir, nelayan yang gigih, ahli pelayaran yang berani dan cekap dan juga sebagai pedagang yang hebat dan berjaya. Kejayaan dan keberhasilan dalam aktiviti mereka ada hubung kait dengan kearifan tempatan'. Hanyut adalah sifat penulis dalam konsep psikogeografi. Penulis berkelana dari satu tempat ke tempat lain tanpa batas rasa. Penulis mengikut arus pergerakan masa hadapannya tanpa menoleh ke belakang. Puisi 34 *Jalan Batas Baharu Kuala Terengganu* (1970) yang dinukilkan pada tahun 1970 memperlihatkan tentang Kuala Terengganu yang masih kekal dihati dan Kuala Lumpur adalah tempat pertama yang hadir dengan cita-cita sebagai pendidik. Bekerja di Sekolah Kebangsaan Wangsa Jaya, Setapak, Kuala Lumpur selepas mengikuti latihan di Kuala Terengganu Teacher's Training College from 1960 - 1962. Kuala Terengganu ketika itu;

*Malam ini malam Kuala Terengganu kubawa berdakap
Malam ini malam kubawa Kuala Terengganu*

*+ Kuala Terengganu, Kuala Terengganu
Kuchintaimu bagai kuchintai
Manisku, manisku*

*Segala Cherita-lara-cherita-
derita Ku hanyutkan ke laut
china.*

Memori yang telah diciptakan tetap kekal walaupun penulis memberi gambaran ‘Ku hanyutkan ke laut china’. Penggunaan tempat Laut China adalah merupakan selat yang terbesar di dunia, dan laut merupakan sebahagian daripada bumi jika dibandingkan dengan daratan. Ini bermakna penulis memberi gambaran segala pengalaman di tempat kelahiran penyair akan kekal sebagai sebahagian daripada hidupnya.

Kesimpulan

Pendekatan psikogeografi membawa penulis mengembara bersama penyair melalui puisi-puisi yang merujuk kepada tempat yang dijejaki. Pembaca merupakan seorang *flanuer* manakala penyair adalah *flaneuse* melalui pemahaman psikogeografi. Ini memberi kesedaran bahawa pembaca mampu merasai setiap perjalanan penyair kerana bait-bait kata puisi terlahir daripada dua faktor iaitu luaran dan dalaman. Hasil daripada mengenalpasti dan menganalisis puisinya wujud faktor luaran yang menunjukkan bahawa pekerjaan sebagai seorang pelombong bijih besi dan nelayan adalah simbol kekuatan kepada masyarakat setempat. Manakala TAT adalah seorang *flaneuse* yang berkelana, *derive* (hanyut) dalam mencari identiti diri hasil daripada faktor dalaman diri penyair sendiri. Pembahagian kepada puisi, psikologi dan psikogeografi mengikut kaedah ulasan naratif yang signifikan seperti pengalaman penulis dalam menghasilkan puisi dan faktor persekitaran yang mempengaruhi TAT. Keseluruhan hasil kajian diharapkan dapat menambah korpus ilmu psikogeografi dalam dunia sastera pada hari ini.

Rujukan

- Abdul, R. H. (2005). *Kritik sosial dalam Pasar Pengalaman oleh T.Alias Taib*. [Master dissertation, Universiti Putra Malaysia]. <http://psasir.upm.edu.my/id/eprint/5856>
- Azmi, N., & Jamaluddin, I. (2022). Hingar-bingar Pasar Pengalaman (2004): Satu kritikan dalam memahami diri T. Alias Taib. *Ideology Journal*, 7(2), 35-49. doi:10.24191/ideology.v7i2.337
- Angelo, H. (2016). From the city lens toward urbanisation as a way of seeing: Country/city binaries on an urbanising planet. *Urban Studies*, 1(54). <https://doi.org/10.1177/004209801662931>
- Ghazali, T. (2004) *Sejarah perlombongan daerah Dungun, 1910-1971*. [Masters dissertation, Universiti Malaya].
- Gorey, O. (2017). *English narrative poetry: A babel of voices*. Cambridge Scholars Publishing.
- Green, B. N., Johnson, C. D., & Adams, A. (2006). Writing narrative literature reviews for peer-reviewed journals: Secrets of the trade. *Journal of Chiropractic Medicine* 5(3): 101–117. doi: 10.1016/S0899-3467(07)60142-6
- Juntunen, M. & Lehenkari, M. (2021). A narrative literature review process for an academic business research thesis. *Studies in Higher Education* 46(2): 330-342.
- Kennedy, X. J., & Gioia, D. (1995). *Literature: An introduction to fiction, poetry, and drama* (6th Edition). Pearson
- Knabb, K. (2006). *Situationist international anthology*. Bureau of Public Secrets.
- Lyons, S. (2017, Jun 18). Psychogeography: A way to delve into the soul of a city. *The Conversation*. <https://theconversation.com/psychogeography-a-way-to-delve-into-the->

- soul-of-a-city-78032
- Lomas, T. & Case, B. (2023). A history of psychogeography and psychocosmology: Humankind's evolving orientation on Earth and in space. *Current Research in Ecological and Social Psychology*, 4, 1-12. <https://doi.org/10.1016/j.cresp.2023.100090>
- Mawar, S., Nordeyana, T., & Ermy, A. R. (2022). *Sastera pelancongan dan psikogeografi dalam cerpen Zaharah Nawawi*. [Conference Presentation]. The third international conference on development of literature, arts, culture, and heritage, University Pendidikan Sultan Idris, Perak.
- Mohd Fadhli, S. K., Ruzy, S. H., & Noraini M. Y. (2022). A psychogeographical tracing of place attachment in selected poems of Kuala Lumpur. *3L: Language, Linguistics, Literature The Southeast Asian Journal of English Language Studies* Vol 28(1), 181-198. <http://doi.org/10.17576/3L-2022-2801-13>
- Mohd Yusof, A. (2015). *Bicara dunia Melayu: Tradisi pelayaran Melayu*. [Conference presentation]. Bicara Dunia Melayu, Tradisi Pelayaran Melayu di Jabatan Muzium Malaysia, Kuala Lumpur.
- Muhammad, F. A., & Hamzah, J. (2022). Rebakan urbanisasi dan perubahan sosio – ekonomi penduduk pinggir bandar: kajian kes di Seberang Takir, Kuala Terengganu. *Jurnal Wacana Sarjana* 4(3), 1-15. e-ISSN 2600-9501
- Noriha, B. (2010). Kefungsian gaya bahasa pengulangan dalam novel Al-Abrar: Satu analisis wacana. *Kemanusiaan* 17(2010), 91–110.
- Nyia, S. K. (2004). *Nilai-nilai Kemanusiaan dalam sajak-sajak J.M. Aziz dan T. Alias Taib*. [Master dissertation, Universiti Putra Malaysia].
- Ruzy, S. H., & Fatin, N. S. F., (2016). Psychogeography of Kuala Lumpur in Nassury Ibrahim's selected poems. *Malay Literature* 2(29), 165-182.
- Rahimah, A. H., & Nurul, F. L. A. (Eds.). (2018). *Akal budi dalam sastera rakyat. Naratif dan bukan naratif*. Penerbit USM.
- Saravanan, P. V. (2020). Nature and urban life – a juxtaposition in the short story anthology Keinginan Kecil Di Celah Daun. *Pertanika J. Soc. Sci. & Hum.* 28(3). 2197-2212. e- ISSN 2231-8534
- Sullivan, D. (2020). Social psychological theory as history: Outlining the critical-historical approach to theory. *Personality and Social Psychology Review* 24(1): 78-99.
- T. Alias, Taib. (1972). *Laut tak biru di Seberang Takir*. Pusaka Alias.
- Xiao, Y., & Watson, M. (2019). Guidance on conducting a systematic literature review. *Journal of Planning Education and Research*, 39(1), 93–112. <https://doi.org/10.1177/0739456X17723971>